



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	-			

Tanam semula pokok di Bukit Tabur

Kuala Lumpur: Pemilik tanah yang diteroka di Bukit Tabur, Taman Melawati, dekat sini, wajar diarah menanam semula pokok di kawasan berkenaan selepas didapati berlaku aktiviti tanah tanpa kelulusan pihak berkuasa.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, berkata tindakan itu perlu dilaksanakan secepat mungkin bagi mengelak kejadian tidak diingini, seperti tanah runtuh.

Beliau berkata, tanah runtuh boleh berlaku secara mendadak atau berperingkat dalam skala kecil atau besar hingga membahayakan penduduk sekitar.

"Saya tidak mempunyai maklumat berapa hektar tanah itu diteroka, namun tanah itu dikatakan milik individu.

"Kalau diikutkan memang berlaku yang teroka tanah itu patut



Keadaan kawasan Bukit Tabur yang dibersihkan dan pokok ditebang untuk dijadikan laluan ke tanah persendirian. (Foto ihsan pembaca)

didenda tetapi sebab tanah itu milik orang, maka sukar untuk berbuat demikian.

"Sekarang ini, pihak berkaitan perlu tanam semula pokok yang dipotong untuk elak tragedi lebih

teruk seperti tanah runtuh," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, kerajaan Selangor menegaskan tiada sebarang kelulusan diberikan bagi aktiviti penerokaan tanah di Bukit Ta-

bur, Taman Melawati.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, dipetik berkata ia hasil semakan dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pejabat Daerah Gombak susulan penyebaran gambar sebuah jentolak di kawasan berkenaan dalam media sosial.

MPAJ pula dilaporkan sudah mengambil tindakan termasuk meletakkan batu penghadang bagi menghalang kenderaan berat masuk semula ke kawasan berkenaan.

Yang Dipertua MPAJ, Mohd Fauzi Mohd Yatim, dilaporkan berkata aktiviti tanah pertanian tanpa kelulusan disahkan berlaku di Lot 759 Mukim Hulu Klang di Bukit Tabur, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Tindakan penguatkuasaan dijalankan mengikut Seksyen 70(A) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

